

**Pilih parti banyak berjasa - Dr. M
Utusan Online
01 May, 2013**

KUALA LUMPUR 30 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad mengajak rakyat untuk memilih parti yang telah banyak berjasa kepada pembangunan negara dalam Pilihan Raya Umum Ke-13, 5 Mei ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, parti itu sudah semestinya Barisan Nasional (BN) yang sejak sekian lama mencorak kemajuan negara serta rakyat.

"Terutama kepada generasi muda, saya harap anda akan bertanggungjawab untuk menentukan masa depan dengan keluar mengundi pada 5 Mei ini. Saya harap semua akan 'pangkah' (undi) parti yang telah berjasa kepada anda dan negara itu iaitu BN," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi dialog sempena pelancaran buku *Blog Merentas Halangan Buku 2: Hak Seorang Warganegara* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Buku berkenaan merupakan kesinambungan himpunan tulisan Dr. Mahathir dalam blognya sejak September 2008 hingga tahun lalu.

Dr. Mahathir berkata, rakyat perlu menyokong parti pemerintah ketika ini iaitu BN bagi membolehkan segala dasar yang telah dirancang sebelum ini dapat diteruskan.

Jelasnya, hal ini kerana dasar-dasar itu khususnya Dasar Ekonomi Baru (kini Model Baharu Ekonomi) berdepan dengan pelbagai 'ancaman' pihak yang menentang dasar berkenaan.

"Kerajaan yang sekarang agak lemah. Dahulu kerajaan kuat kerana memperoleh mandat dua pertiga di Dewan Rakyat. Dengan kekuatan itu, segala dasar yang dirancang lebih mudah diluluskan.

"Kerajaan ketika itu juga memiliki ketegasan dalam melaksanakan dasar. Namun, pada 2008, sokongan terhadap kerajaan merosot dan oleh itu kerajaan agak sukar melaksanakan dasar-dasar serta terdedah kepada ancaman desakan penentang-penentang," jelasnya.

Kepada soalan tentang Wawasan 2020, katanya, hala tuju wawasan itu adalah tepat dan mampu dicapai dengan sebaiknya walaupun mendapat sentuhan atau pendekatan berbeza daripada kerajaan sedia ada.

Berhubung agihan kekayaan negara yang dilihat seperti tidak adil terutama melibatkan orang Melayu, ujarnya, perkara itu berlaku kerana segelintir mereka kurang bijak dalam menguruskan kekayaan.

"Apabila kaya, mereka tidak melabur, jual peluang dan jual kontrak. Apabila diberi saham, mereka jual dan oleh itu, sukar untuk kita memperoleh 30 peratus ekuiti ekonomi," tambahnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130501/px_31/Pilih-parti-banyak-berjasa---Dr-M#ixzz2ZoIp7Fn9